

CERIA... Sultan Johor, Sultan Iskandar Almarhum Sultan Ismail, Sultanah Johor, Sultanah Zanariah Almarhum Tunku Ahmad dan Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim Ismail bersama-sama Abdullah Ahmad Badawi, Najib Tun Razak, Dr. Mahathir Mohamad dan barisan pemimpin UMNO sempena sambutan ulang tahun UMNO ke-60 di Johor Bahru pada Khamis lalu.

Mengenang kelahiran UMNO

Oleh KAMIL MASLIH
UM - 14/5/2006

TERIK matahari membahang di atas kepala tidak sedikit pun melunturkan semangat kira-kira 60,000 ahli UMNO yang berhimpun di pekarangan Istana Besar Johor Bahru Khamis lalu untuk sama-sama merayakan ulang tahun penubuhan UMNO ke-60.

Laungan 'Hidup Melayu' yang bergema acap kali membuktikan semangat juang generasi terdahulu menentang penjajah terus mengalir ke dalam generasi kini yang dipertanggungjawabkan untuk mengisi kemerdekaan negara.

Pelbagai wajah dapat dilihat pada perhimpunan yang bermula dari pukul 9 pagi sehingga 1 petang itu, dari yang tua kepada yang muda, baik lelaki ataupun wanita, mahupun miskin ataupun kaya.

Jikalau sebelum ini umat Melayu terpecah dengan blok kenegerian dan kesukuan, kini kesemuanya bersatu teguh di bawah satu payung besar yang membela nasib bangsa iaitu payung UMNO.

Pembacaan petikan perutusan pengasas UMNO, Datuk Onn Jaafar oleh Datuk Rahim Razali pada majlis sambutan tersebut membawa ahli-ahli UMNO kembali mengimbu sejarah lalu bagaimana perjuangan UMNO bermula.

Dapat dirasakan oleh setiap yang hadir bagaimana Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946 menjadi saksi kepada kelahiran UMNO yang kini menjadi tunjang bangsa Melayu dalam memperjuang dan memper-tahankan kemerdekaan negara.

Menyambung warisan pemimpin terdahulu, Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membangkitkan semangat khalayak yang hadir dengan mengajak seluruh orang Melayu berusaha gigih untuk mencapai kejayaan dalam memastikan mereka muncul sebagai kaum yang maju pada tahun 2020.

"Kita mesti dukung ia dengan erat dengan kekuatan dan kesedaran yang penuh bahawa kita mahu menjadi bangsa yang maju pada tahun 2020.

"Mudah-mudahan para pemimpin kita ketika itu akan dapat bangun dengan penuh kesyukuran kepada Allah dan berasa megah untuk mengumumkan kepada bangsa kita dan seluruh negara bahawa bangsa kita (telah) maju dan negara kita (telah) maju," katanya sambil disahut dengan laungan 'Hidup Melayu'.



IKRAR... Pemimpin-pemimpin UMNO melafazkan ikrar semasa sambutan ulang tahun UMNO ke-60.

Saya mengalu-ngalukan kedatangan saudara-saudari ke tempat lahirnya UMNO. Ketahuilah dan jangan kita lupa UMNO lahir di Istana Besar bukan di tepi jalan

— Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail

Kata beliau lagi, seluruh perjuangan adalah ibadah dan bebaskanlah ia daripada noda seperti perbuatan rasuah, penyelewengan atau apa-apa sahaja yang boleh mencacatkan amalan (ibadah) itu yang menyebabkan ia menjadi tidak baik dan tidak memberi manfaat.

Pimpinan

Selain Abdullah, majlis sambutan tersebut turut diraikan oleh pucuk pimpinan parti termasuk Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak; Naib-naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam serta Tan Sri Muhyiddin Yasin dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Kehadiran bekas-bekas pemimpin parti turut mencuri perhatian orang ramai terutamanya dengan kehadiran, Tun Dr. Ma-

hathir Mohamad serta isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Tan Sri Musa Hitam. Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammudin Tun Hussein; Ketua Puteri, Datuk Noraini Ahmad; ahli-ahli Majlis Tertinggi, ketua-ketua bahagian UMNO dan beberapa veteran UMNO tidak ketinggalan memeriahkan majlis tersebut.

Sambutan ulang tahun UMNO kali ini menjadi lebih bermakna apabila Sultan Johor, Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail dan Sultanah Zanariah serta Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim dan isteri, Raja Zarith Sofiah turut berkenan menghadiri perhimpunan itu.

"Saya mengalu-alu kedatangan saudara-saudari ke tempat lahirnya UMNO. Ketahuilah dan jangan kita lupa UMNO lahir di Istana Besar dan bukan di tepi jalan, titah baginda yang turut menjadi saksi penubuhan UMNO di situ 60 tahun lalu.




PERSEMBAHAN teater UMNO turut diadakan sempena sambutan ulang tahun kelahiran UMNO di Johor Bahru



NAJIB Tun Razak dan Musa Hitam semasa menghadiri majlis tahlil.



PUTERA dan Puteri yang bakal meneruskan kepimpinan UMNO pada masa depan.



PASANGAN ini antara yang setia dengan perjuangan UMNO.